**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 11 pagi, Selasa 5 Disember 2023.

PERKESO

Untuk Terbitan Media

5 Disember 2023

# SIARAN MEDIA

## CEDERA TERGELINCIR KETIKA MEMASAK, SURI RUMAH TERIMA FAEDAH

### ALERT: PENILAI PERUBATAN TAKSIR BAYARAN RM3,300

**KLANG**: Nasib seorang suri rumah yang cedera pada bahagian leher dan belakang pinggang akibat tergelincir ketika memasak, terbela apabila diberikan faedah Hilang Upaya Kekal (HUK).

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Selangor, Ismail Abi Hashim, berkata suri rumah berinsurans (SRB) berusia 52 tahun itu pada mulanya sedang menyediakan makanan tengah hari di rumahnya.

Berdasarkan laporan, jelasnya, SRB yang ketika itu menuju ke kabinet dapur untuk mengambil sudu bagi merasa hidangan yang disediakan, tiba-tiba tergelincir disebabkan lantai basah dan berminyak pada 17 Mei lalu.

“Puan Gurdeep Kaur disahkan mengalami kecederaan *slipped disc* di bahagian leher dan belakang pinggang selepas mendapatkan rawatan di Hospital Columbia Asia, Klang pada hari yang sama.

“Susulan tuntutan Notis Bencana Domestik yang difailkan di Pejabat PERKESO Klang, hasil semakan mendapati pencarum Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) secara sukarela ini layak diberikan faedah HUK.

“Kes beliau dirujuk ke penilai perubatan dan keputusan sebanyak 11 peratus diberikan dengan jumlah pampasan sekali bayar sebanyak RM3,300,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan ke kediaman Puan Gurdeep, di Taman Klang Utama, di sini, hari ini. Turut hadir, Pegawai Khas kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar Baru Klang, Dr Quah Perng Fei, iaitu G Saravanan yang menyerahkan baucar faedah HUK kepada Puan Gurdeep.

Bersandarkan perangkaan setakat 26 November lalu, seramai 200,528 pencarum SKSSR direkodkan dari seluruh negara, manakala jumlah pembayaran faedah kepada 364 penerima adalah RM974,769.32.

Tamat

###

**Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**
**5 DISEMBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**
**R Thavamani**
**+6012-604 6057**
thavamani@perkeso.gov.my